



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 9/2022**

PERLUASAN KAWASAN PELAKSANAAN PENUKARAN TEMPOH PEGANGAN HAKMILIK DARIPADA PAJAKAN KEPADA SELAMA – LAMANYA DI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS BAGI TANAH – TANAH YANG BERSTATUS KEDIAMAN

1. Tujuan

Arahan ini adalah sebagai garis panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai perluasan kawasan pelaksanaan penukaran tempoh pegangan hakmilik daripada pajakan kepada selama – lamanya di Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tanah – tanah yang berstatus kediaman.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan Bil. 4/2022 telah dikeluarkan pada 10 Mei 2022 berkaitan Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Penukaran Tempoh Pegangan Hakmilik Daripada Pajakan Kepada Selama-lamanya Di Negeri Sembilan Darul Khusus Bagi Tanah-Tanah Yang Berstatus Kediaman.
- 2.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) yang bersidang pada 25 Mei 2022 telah mengambil keputusan untuk memperluaskan lagi taman perumahan / kawasan perumahan bagi pelaksanaan penukaran tempoh pegangan hakmilik daripada pajakan kepada selama-lamanya di Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tanah-tanah yang berstatus kediaman.

3. Pelaksanaan

Senarai taman perumahan / kawasan perumahan bagi pelaksanaan penukaran tempoh pegangan hakmilik daripada pajakan kepada selama-lamanya di Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tanah-tanah yang berstatus kediaman diperluaskan lagi seperti berikut:

FASA IV

(MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN PADA 25 MEI 2022)

Bil.	Daerah	Taman Perumahan / Kawasan Perumahan / Rumah Rakyat
1.	Daerah Seremban	1) Taman Mantin 2) Taman Asoka 3) Taman Semarak 1 4) Taman Semarak 2 5) Taman Nilai 6) Taman Anggerik
JUMLAH - 6		

4. Tarikh Kuat Kuasa

4.1 Arahan ini perlu dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan Bil. 4/2022 yang telah dikeluarkan pada 10 Mei 2022.

4.2. Arahan ini berkuat kuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 21 Jun 2022

Rujukan : Bil. (84) dlm. PTGNS.10/17 Klt.3.